

Zaid Ibrahim presiden baru AKIM?  
Malaysiakini.com  
Disember 14, 2010

Parti Angkatan Keadilan Islam Malaysia (AKIM) akan mengadakan satu mesyuarat agung luar biasa esok bagi menyusun semula kepengimpinannya, dijangka bagi menempatkan Datuk Zaid Ibrahim yang meninggalkan PKR awal bulan lalu ke jawatan utama dalam parti itu.

zaid ibrahim quits pkr 191110 05Presiden AKIM Zakaria Salleh berkata, Zaid juga telah menawarkan diri untuk memimpin parti itu namun parti itu masih belum memutuskan jawatan untuk Zaid walaupun timbul cadangan supaya Zaid (kanan) dilantik sebagai presiden

Tambahnya, beliau akan menyerahkan kepada anggota parti itu sama ada ingin memilih Zaid sebagai presiden baru Akim dalam mesyuarat parti itu esok.

"Di kalangan ahli-ahli pun ada yang menyebut demikian dan kalau Datuk Zaid betul-betul mahu memimpin, ia dialu-alukan.

"Kalau Datuk Zaid bersetuju dan ahli setuju, saya sebagai presiden Akim tidak ada (halangan) demi kepentingan parti.

"Bila ahli bersuara saya memang akan beri laluan kepada Datuk Zaid sebab yang lebih mampu untuk memimpin AKIM adalah Datuk Zaid," katanya lagi.

Belum tetapkan jawatan

"Kita sudah bincang di kalangan kepimpinan tertinggi dan sekiranya ahli-ahli setuju sebulat suara, perlantikan akan dijalankan esok. Tapi jawatan apa belum tentu lagi.

"Cuma kita tidak mahu ada pemilihan baru lagi," kata Zakaria ketika dihubungi Malaysiakini hari ini.

akim banner 230808Dilaporkan, AKIM baru saja disahkan statusnya sebagai parti politik oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan apabila jawatankuasa parti itu berjaya menyelesaikan isu dalaman parti berkenaan dengan kerjasama jabatan itu.

Zakaria juga berkata, beliau dipilih sebagai presiden baru parti itu bagi menggantikan Hanafi Mamat dalam mesyuarat agung tahunan parti itu pada 26 Disember 2009.

"Ahli dahulu ada seramai kira-kira 300 orang. Dalam mesyuarat esok kita jangka antara 300 hingga 500 orang akan hadir," kata Zakaria lagi.

Mesyuarat agung luar biasa itu akan dijalankan di Tropicana Golf and Country Resort, sebuah kawasan eksklusif yang turut menempatkan kediaman Zaid.

Mengulas lanjut, Zakaria berkata penyusunan semula kepimpinan parti itu bagi membolehkan AKIM mengambil peranan lebih aktif dalam kegiatan politik.

"Mesyuarat ini dibuat atas desakan ahli kerana selama ini kita tidak ada penonjolan dalam

politik kecuali semasa pilihan raya.

"Selama ini parti ini tidak banyak kesan, tidak banyak orang hendak beri perhatian kerana dilihat sebagai sebuah parti serpihan PAS. Kita tidak mampu membuat teguran dan jadi macam anjing menyalak bukit saja," katanya lagi.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.

Source : <http://www.malaysiakini.com/news/150785>